



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA
Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892181
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan Kami : JPA(I)S.178/1/5-9 (22)
Tarikh : 15 Januari 2020/ 19 Jamadilawal 1441H

YBhg. Datuk Hajah Maimunah binti Suhaibul

Pengarah
Bahagian Profesionalisme Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 2-6, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

YBhg. Datuk,

**PELAWAAN JAPANESE GOVERNMENT (MONBUKAGAKUSHO: MEXT)
SCHOLARSHIPS TEACHER TRAINING STUDENTS 2020**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk, Jabatan ini telah menerima pelawaan permohonan *Japanese Government* (Monbukagakusho: MEXT) *Scholarships Teacher Training Students 2020* daripada Kedutaan Besar Jepun di Malaysia. Biasiswa ini adalah terhad kepada **Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (DG)** untuk menjalankan kajian berkaitan pendidikan sekolah untuk tempoh bermula daripada Oktober 2020 sehingga Mac 2022 di universiti di Jepun.

3. Sehubungan itu, Jabatan ini ingin mempelawa pihak YBhg. Datuk untuk mengemukakan pencalonan daripada kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah untuk memohon biasiswa ini. Tarikh Permohonan/ Pencalonan adalah seperti berikut:

- 3.1 Tarikh permohonan *online* oleh pegawai yang berminat adalah bermula pada **15 Januari 2020**.
- 3.2 Tarikh akhir pencalonan oleh Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan adalah pada **11 Februari 2020**.

4. Keterangan lanjut, syarat-syarat permohonan dan tatacara pencalonan bagi program ini adalah seperti di **Lampiran 1**. Pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA.

(u.p: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)

5. Pihak YBhg. Datuk boleh menghubungi **Unit Pengurusan Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan** di talian **03-8885 3569/3371** atau emel penawaranldp@jpa.gov.my sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini.

6. Kerjasama pihak YBhg. Datuk berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD SHAZRIZAL BIN SAFRI)
Bahagian Pembangunan Modal Insan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

s.k.

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 3, Blok E12, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DAN TATACARA PENCALONAN
KEMUDAHAN JAPANESE GOVERNMENT (MONBUKAGAKUSHO: MEXT)
SCHOLARSHIPS TEACHER TRAINING STUDENTS 2020**

1. **Syarat-syarat permohonan dan pencalonan**
 - (a) Berumur tidak melebihi **35 tahun pada 1 April 2020** (lahir selepas atau pada 2 April 1985);
 - (b) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah **yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap sekurang-kurangnya untuk tempoh 5 tahun** (dikira dari 1 Oktober 2020);
 - (c) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada tarikh tutup permohonan;
 - (d) Mempunyai **penguasaan Bahasa Inggeris yang baik**;
 - (e) Mencapai markah **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) purata 85 markah ke atas bagi tempoh genap 3 tahun skim perkhidmatan terkini berturut-turut (2016, 2017 & 2018) atau (2017, 2018 & 2019)**. Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan;
 - (f) Tidak mengikuti kursus pendek di luar negara dalam **tempoh satu (1) tahun kebelakangan atau kursus panjang dalam tempoh dua (2) tahun kebelakangan** (dikira dari 1 April 2020);
 - (g) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
 - (h) Telah mengisytiharkan harta;
 - (i) Tidak tersenarai dalam senarai hitam JPA;
 - (j) Tidak berkhidmat dalam perkhidmatan tentera; dan
 - (k) Pegawai yang memiliki kemahiran dan kebolehan dalam Bahasa Jepun digalakkan memohon.